

## KAJIAN TINJAUAN:KEPERLUAN PASCA BANJIR DI SMK DABONG,KELANTAN

Raazizah binti Hussain<sup>1</sup>, Mohd Syakirin bin Sudin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat,  
Kolej Komuniti Selayang

<sup>2</sup> Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat,  
Kolej Komuniti Selayang

raazizah2258@gmail.com, syakirin.sudin@gmail.com

### Abstrak

Kajian ini membincangkan mengenai tinjauan keperluan bantuan banjir kepada Sekolah Menengah Dabong, Kelantan oleh Kolej Komuniti Wilayah Selangor sebagai sekolah angkat. Objektif kajian ialah mengkaji keperluan bantuan kepada pelajar untuk pengajaran dan pembelajaran dan keberkesanan bantuan yang dihulurkan kepada mereka. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Instrumen kajian adalah soal selidik dan 390 orang pelajar yang terlibat dalam kajian. Analisis statistik deskriptif yang meliputi kekerapan, peratus dan min digunakan untuk mengenalpasti demografi responden serta tahap keperluan dan keberkesanan bantuan. Hasil dapatan kajian menunjukkan keperluan dan keberkesanan bantuan berada pada tahap yang tinggi. Justeru, kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai penanda aras untuk kajian yang seterusnya pada masa hadapan dan mencadangkan supaya skop kajian diluaskan dalam aspek responden dan tempat kajian.

**Kata kunci:** Bantuan, Keperluan dan Keberkesanan

### 1.0 Pengenalan

Sekolah Menengah Dabong, Kuala Krai Kelantan merupakan salah sebuah sekolah yang terjejas teruk akibat banjir pada tahun lalu iaitu pada 24 Disember 2014. Sekolah ini dijadikan sampel kajian berkaitan banjir. Berdasarkan artikel *m.Star* (2014) banjir pada tahun 2014 adalah yang terburuk dalam sejarah banjir di Malaysia dengan mencatatkan lebih 300,000 orang dipindahkan. Jumlah mangsa yang dipindahkan di Kelantan mencecah 150,000 orang daripada lebih kurang 36,000 buah keluarga yang ditempatkan dalam 309 buah tempat perlindungan melibatkan lapan daerah. Jajahan Kota Bharu mencatatkan angka tertinggi mangsa banjir iaitu 44,061 orang, Tumpat (30,569), Pasir Mas (23,568), Kuala Krai (23,500), Gua Musang (17,327), Machang (8,289), Tanah Merah (3,546) dan Pasir Puteh (192). Pada bulan Oktober 2014, kerajaan memerlukan RM9.32 bilion untuk pembinaan dan menaiktaraf semua infrastruktur saliran di kawasan Bandar dan luar Bandar. Sejak 18 Disember, Jabatan Meteorologi telah mengeluarkan 38 amaran cuaca buruk bagi 15 amaran peringkat 'merah', 15 amaran 'oren' dan 8 amaran 'kuning' menurut Abdul Razak (2014).

Istilah banjir disokong oleh kajian Mohd Ekhwan (2000), banjir secara umum adalah kuantiti air yang tidak dikehendaki manakala dari segi terminologi teknikal, banjir merupakan sumbangan hujan

luar biasa yang tidak mampu ditampung oleh sesebuah lembangan sungai dan menyebabkannya melimpah keluar tebing atau dataran banjir. Menurut Burton L (1968), banjir sebagai air sungai yang melampaui tebingnya, atau satu fenomena yang disebabkan oleh kenaikan aras air sungai utama dan anak-anak sungai.

Namun begitu, Douglas (1974) menterjemahkan banjir ialah anak-anak sungai yang melimpahi daratan yang biasanya sebelum ini tidak ditenggelami air. Dengan itu, banjir menjadi bahaya apabila ia melibatkan masyarakat, khususnya kejadian banjir yang berlaku di kawasan berpenduduk padat yang berpotensi menyebabkan kehilangan nyawa, jangkitan penyakit berbahaya dan kemusnahan harta benda. Sumber JICA (1982), bilangan mangsa banjir lazimnya bergantung kepada luas kawasan yang terlibat, masa dan aras maksimum tertinggi air dicatatkan. Selain daripada manusia sebagai mangsa, kerugian daripada segi harta benda individu dan awam juga merupakan impak bencana banjir yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat dan kerajaan. *Japan International Cooperation Agency* (1993 JICA) menganggarkan purata tahunan potensi kemusnahan akibat bencana banjir di seluruh Semenanjung Malaysia ialah RM72 juta pada tahun 1982 atau kira-kira RM92 juta pada tahun 1993.

Bantuan banjir boleh diberikan dalam pelbagai bentuk untuk mangsa. Hal ini disokong oleh Hisyam Muhibah(2015), dua bentuk bantuan untuk mangsa banjir boleh diberikan kepada mereka iaitu semasa banjir dan bantuan selepas banjir surut. Semasa banjir melanda, bantuan boleh ditumpukan di pusat-pusat pemindahan. NGO-NGO yang mahu membantu perlu membuat tinjauan dahulu ke pusat-pusat dengan menghubungi pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pegawai BKN yang bertugas di situ. Bantuan selepas banjir seperti menganjurkan aktiviti seperti permainan, motivasi, ceramah kelompok, kaunseling, membaca Al-Quran, tahsin solat, pengukuhan fardu ain dan banyak lagi.

Sesetengah pihak perlu faham dengan situasi musibah sesuatu bencana. Mereka perlu sedar sesuatu kejadian berlaku ada banyak pemahaman baru dialami. Pemahaman ini disokong melalui artikel ([http :www.islamituindah.my/bencana-mengajar manusia tentang kehebatan Allah](http://www.islamituindah.my/bencana-mengajar-manusia-tentang-kehebatan-allah)). Setiap asas ulul-albab yang terdapat di dalam Al-Quran dan pendekatan tadabbur yang mendorong manusia mengkaji, berfikir, menyelidik dan akhirnya mendidik mereka menjadi orang-orang yang bertakwa. Allah juga memberi asas pedoman kepada manusia supaya sentiasa mengkaji dan berfikir tentang kejadian alam. Namun begitu, sering Al-Quran mengingatkan manusia bahawa manusia adalah sebahagian kecil dari alam yang sangat luas ini supaya manusia selalu melihat dan mengamati alam tersebut untuk mengetahui rahsia-rahsia yang tersimpan di dalamnya berdasarkan surah Al-mukmin ayat 57. Agama islam adalah agama unggul serta menarik kerana ia didekati secara ilmu dan saintifik dan ia memberi tanda untuk suatu kebangkitan Allah menjelaskan tentang golongan yang diberi nikmat dan kemudiannya tidak bersyukur atas pemberian Tuhan.

Oleh itu, berdasarkan huraian di atas, kajian ini menjurus dan menfokuskan keperluan dan keberkesanan sumbangan dan bantuan diberikan kepada pihak yang terlibat dengan bencana banjir. Ini disokong dengan Program sekolah angkat yang diselenggarakan oleh Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti(JPKK), Kementerian Pendidikan Malaysia, Kolej Komuniti Wilayah Selangor (KKWS) diamanahkan Sekolah Menengah Dabong, Kuala Krai Kelantan sebagai sekolah angkat. KKWS mempunyai sembilan kolej yang terdiri daripada Kolej Komuniti Selayang, Kolej Komuniti Kuala Langat, Kolej Komuniti Hulu Langat, Kolej Komuniti Hulu Selangor, Kolej Komuniti Shah Alam, Kolej Komuniti Klang, Kolej Komuniti Tanjung Karang dan Kolej Komuniti Ampang. Program Sekolah Angkat ini dicetuskan idea oleh Ketua Pengarah JPKK selepas pelaksanaan Program Sukarelawan di Hospital Universiti Kubang Kerian (HUSM) 5-11 Januari 2015. Inisiatif ini diterjemahkan serta arahan diberikan kepada semua Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Sekolah di Kelantan yang terlibat dengan banjir diambil sebagai sekolah angkat oleh Kolej Komuniti (KK) dan diselenggarakan oleh JPKK berdasarkan memo seperti berikut:

- Sekolah Menengah Yahya Petra 1, Kuala Krai telah diserahkan kepada Kolej Komuniti Wilayah Utara-sebahagian, KK Negeri Sembilan-sebahagian, KK Wilayah Johor-sebahagian, (KKPasir Salak, KK Langkawi, KKJempol, KK Ledang dan KK Tanjung Piai).

- Sekolah Menengah Kuala Krai dijadikan sekolah angkat oleh Kolej Komuniti Negeri Sembilan dan Melaka (KK Bukit Beruang, KK Selandar, KK Masjid Tanah, KK Jasin dan KK Jelebu).
- Sekolah Menengah Ladang Kerilla, Tanah Merah, Kelantan telah diberikan kepada Kolej Komuniti Wilayah Timur (KK Kemaman, KK Kuantan, KK Bera, KK Kuala Lipis dan KK Raub).
- Kolej Komuniti Wilayah Perak (KK Chenderoh, KK Teluk Intan, KK Gerik dan KK Sg. Siput) diamanahkan untuk menjadikan Sekolah Menengah Tanah Merah 2, Tanah Merah sebagai sekolah angkat mereka.
- Sekolah Menengah Rantau Panjang, Pasir Mas, Kolej Komuniti Wilayah Kedah dan Kelantan (KK Pasir Mas, KK Bandar Darul Aman, KK Sg. Petani, KK Kulim, KK Baling).
- Sekolah Agama Falahiah, Tumpat telah diserahkan kepada Kolej Komuniti Kedah, Terengganu, Johor dan Kelantan (KK Kok Lanas, KK Kuala Terengganu, KK Besut, KK Jeli dan KK Segamat).
- Sekolah Menengah Sg. Pinang Tumpat dijadikan sekolah angkat oleh Kolej Komuniti Wilayah Pulau Pinang dan Kedah (KK Bayan Baru, KK Arau, KK Kepala Batas dan KK Padang Terap).

Pihak JPJK telah menyelaraskan sesi pertama dengan Lawatan tapak pada 7 & 8 Februari 2015 mengikut surat rasmi daripada Pengerusi Program Sekolah Angkat Pengarah Kolej Komuniti Kuala Langat Pn. Zainah Rujihan (2015) ke Sekolah Menengah Dabong Kelantan di atas misi Program Pasca Banjir Kelantan, KKWS. Seterusnya Fasa 1 dan 2 juga berdasarkan surat rasmi, penghantaran bantuan dan promosi dilaksanakan. Fasa ke-3 merupakan fasa keceriaan dilakukan untuk Sekolah Menengah Dabong, Kuala Krai Kelantan mengikut arahan bertulis.

### 1.1 Penyataan Masalah

Urbanisasi merupakan satu proses yang tidak dapat dipisahkan dengan pembangunan sesebuah negara. Ia juga merupakan pemangkin pembangunan dan proses-proses positif yang membawa perubahan masyarakat ke arah arus pemodenan iaitu menjadikan negara perindustrian. Akan tetapi jika pembangunan tidak dirancang dan dikawal, ianya boleh membawa impak negatif terhadap alam sekitar dan masyarakat amnya. Antara kesan negatifnya ialah peningkatan risiko bahaya banjir. Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri di Pantai Timur yang selalu dilanda banjir setiap tahun. Banjir besar yang berlaku pada 24 Disember 2014 kesannya mengancam kerajaan negeri dan rakyat. Rekod banjir yang berlaku di antara 1963 hingga 1983 menunjukkan banjir sering melanda negeri ini setiap tahun (JICA 1991). Oleh itu, pengkaji sebagai sukarelawan merasa bertanggungjawab prihatin terhadap isu dan memilih permasalahan banjir untuk dijadikan bahan menganalisis dan mengkaji aspek tinjauan keperluan bantuan kepada pelajar dan salah satu sekolah yang terlibat, keberkesanan bantuan yang dihulurkan. Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat memahami proses bantuan dan memberi cadangan untuk mempertingkatkan keberkesanan bantuan yang dihulurkan di Sekolah Menengah Dabong, Kuala Krai Kelantan.

### 1.2 Soalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, beberapa persoalan kajian telah dikemukakan selari dengan objektif kajian antaranya :

- Sejauhmanakah tahap keperluan bantuan pasca banjir SMK Dabong, Kelantan ?

### 1.3 Objektif Kajian

- Mengenal pasti tahap keperluan pasca banjir SMK Dabong, Kelantan.

## 2.0 Literature Review

Menurut Borden et.al (2002), dalam kajian ini mengemukakan tentang kajian-kajian lepas yang dapat menyokong dan mengukuhkan tajuk kajian yang dijalankan. Terdapat beberapa faktor penting tujuan kajian literature dijalankan antaranya ialah untuk mengelak sebarang pencarian yang tidak diperlukan. Kebaikan membuat kajian ini adalah untuk membantu pengkaji membuat fasa rekabentuk kajian, membuat keputusan tentang apakah jenis-jenis pemboleh ubah yang harus diambil kira dan diuji, membuat prosedur kajian dan sebagainya.

Bencana alam disebabkan oleh beberapa faktor, antara faktor yang disokong melalui artikel *International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies* (1998), selain daripada itu peningkatan perindustrian dan teknologi juga pernah dikatakan menjadi punca kepada bertambahnya kejadian bencana iaitu bencana teknologi dan bencana buatan manusia (*man-made disaster*), walaupun ada pengkaji percaya bahawa kejadian bencana adalah atas kehendak Tuhan (*acts of God*) berdasarkan artikel *Disaster Prevention and Mitigation* (1982). Banjir besar di Bangladesh pada tahun 1993 mengorbankan 1,000 orang, banjir besar di kawasan Barat Tengah Amerika Syarikat pada tahun 1993 telah mengorbankan seramai 2,000 orang disokong oleh artikel *World Disaster Reduction Campaign* (1997). Bencana biasanya berlaku di luar jangkaan yang tidak dapat diduga, ini menjadikannya sebagai peristiwa atau kejadian yang menakutkan baik bagi pihak orang ramai atau negara keseluruhannya. Organisasi yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung adalah tanggungjawab sepenuhnya untuk menghadapi bencana alam. Walaupun ada organisasi yang telah bersiap sedia dalam menghadapi bencana alam, tetapi disebabkan kejadian bencana tidak dapat diduga dan sukar diramalkan, ia menyebabkan usaha-usaha untuk menghalangya sukar dilakukan. Sebagai contoh, Negara Jepun, walaupun ada organisasi yang telah bersiap sedia dalam menghadapi bencana alam, bersiap sedia dengan teknologi, latihan penyelamat, sistem amaran bencana yang lengkap, perancangan rapi dalam pengurusan bencana dan sebagainya masih tidak dapat mengelakkan negara mereka dari menghadapi bencana dan mengorbankan banyak nyawa (*studentsrepo.um.ed.my/2559/3/bab sorotan kajian*). Laporan bencana dunia mengesahkannya, keadaan yang sama juga berlaku kepada Negara Korea Selatan dimana seramai 265 orang telah terkorban dan melibatkan seramai 851,465 orang dalam tahun yang sama mengikut *International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies* (1998 m.s 7). Bagi negara-negara yang sering mengalami bencana, keberkesanan pengurusan bencana alam adalah antara perkara yang diambil perhatian dalam perancangan dan pengurusan negara. Bencana alam selalunya melibatkan dua perkara iaitu kerugian yang berterusan terhadap harta benda orang ramai dan negara. Usaha-usaha yang perlu diambil dalam mengembeling sumber-sumber yang ada untuk membantu dan membangunkan semula pembangunan negara untuk mencapai pemulihan yang diharapkan (*studentsrepo.um.ed.my/2559/3/bab sorotan kajian*). Menurut *Association of Southeast Asian Nations Disaster Management Information Network* (1997), dengan meningkatnya kejadian-kejadian bencana alam, masyarakat dunia telah menyedari akan bahaya yang mungkin dihadapi oleh negara yang membangun dan sedang membangun. Oleh yang demikian, kesedaran awal untuk menghadapi kejadian yang tidak diinginkan perlu diwujudkan. Hal ini disokong oleh artikel *International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies* (1998 m.s 35), beberapa kejadian bencana yang telah berlaku dalam negara kebelakangan ini, bukanlah disebabkan oleh bencana alam sepenuhnya, tetapi kebanyakannya adalah berpunca daripada kelalaian manusia. Menurut Merriman et al (1993), di

negara Malaysia, kejadian-kejadian bencana yang berlaku adalah dianggap *special* jika dilihat dari segi bentuk bencana yang berlaku. Sukar untuk diklasifikasikan bentuk bencana, sama ada benar-benar boleh ditakrifkan sebagai bencana alam atau bencana buatan manusia, ini kerana tidak ada definisi yang dapat menjelaskan kedua-dua bentuk bencana tersebut. Merriman et.al (1993) juga menyatakan *The current hazard trends highlights the fact that the distinction between the events based in nature and others, in most situations, is not clearcut.*

Pelajar menghadapi suasana kurang selesa dalam pembelajaran dengan bencana berkenaan. Menurut kajian Noor Haslinda et al (2014) pelajar merupakan aset penting dan paling berharga kepada negara, maka faktor penyebab tekanan dan kesannya kepada mereka haruslah diberi perhatian secara komprehensif oleh pelbagai pihak bagi memastikan kecemerlangan pelajar dalam aspek seperti mental, emosi, kerohanian dan fizikal, persekitaran seimbang tercapai. Selain itu, aspek ini juga disokong oleh kajian Nor Hasimah et. al (2014), persekitaran pengajian memberi pengaruh yang besar terhadap pembangunan diri pelajar kerana mereka menghabiskan kira-kira hampir lapan jam sehari di institusi pengajian.

### 3.0 Kaedah dan rekabentuk kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah pungutan data secara kuantitatif. Mengikut Mohd Najib (1999), kaedah kuantitatif adalah berdasarkan kategori kuantiti seperti menggunakan angka, skor dan kekerapan. Bentuk kuantitatif selalunya melibatkan teknik, data hasil dari ujian soal selidik. Seramai 390 responden diambil dari bulan Januari hingga Jun 2015 sebagai sampel kajian. Kajian ini bermula dengan pengedaran dan pengumpulan borang soal selidik, pelajar diberikan satu set soal-selidik dengan tujuan untuk memperoleh data mengenai profil, keperluan bantuan dalam P&P dan keberkesanan bantuan kepada mereka. Maklum balas yang diperolehi menerusi kaedah soal selidik akan dianalisis mengikut turutan soalan secara kuantitatif yang mana setiap item akan dianalisis bagi menjawab soalan kajian. Rekabentuk kajian dibuat dalam bentuk struktur dan soalan berbentuk skala *likert*. Skala *likert* yang digunakan ialah seperti jadual 1 di bawah. Melalui soal selidik, responden bebas menyatakan pendapat serta menilai mengikut persoalan-persoalan yang dikemukakan. Soal-selidik diedarkan kepada responden bagi tujuan pengumpulan data dan maklumat. Kesemua data akan dipindahkan dan dimasukkan ke dalam perisian SPSS 22.0 for Windows (*Statistical Package for social Science*) bagi menganalisa data frekuensi, peratusan dan min.

Jadual 1: Mentafsir tahap kekuatan berdasarkan skala *likert*.

Tahap	Tahap Kekuatan
Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Tidak pasti	3
Setuju	4
Sangat setuju	5

Kajian Wierma (1995), tahap kecenderungan keputusan responden sama ada rendah, sederhana dan tinggi. Jadual 2 digunakan bagi mentafsir nilai min berdasarkan skala *likert* sebagai menjawab setiap persoalan kajian yang diadaptasikan daripada mereka berdua.

Jadual 2: Mentafsir tahap kekuatan berdasarkan julat min

Julat Min	Tahap Kekuatan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
1.00-5.00	1.00-2.33	2.34-3.67	3.68-5.00

Kajian rintis merupakan kajian sebelum kajian sebenar dilakukan. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 30 orang pelajar Kolej Komuniti Selayang yang pernah menghadiri misi bantuan ke Hospital Universiti Sains Kubang Kerian Kelantan pada 5-11 Januari 2015. Kajian rintis yang dibuat bertujuan untuk memastikan soal selidik yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Kajian rintis ini juga untuk memastikan soal selidik yang diedarkan kepada sampel sebenar adalah berkualiti. Berdasarkan analisa yang dibuat, kebolehpercayaan soal selidik adalah menunjukkan nilai  $\alpha=0.885$ . Nilai ini menunjukkan bahawa soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.

### 4.0 Dapatan Kajian

Berdasarkan demografi kajian, sampel terdiri daripada 390 responden yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Dabong. Jadual 3 menunjukkan jantina responden.

Jadual 3: Jantina Responden Berdasarkan Borang Soal Selidik

Jantina	Jumlah kekerapan dan peratus		
	Kekerapan	peratus	Peratus terkumpul
Lelaki	180	46.2	46.2
Perempuan	210	53.8	
Jumlah	390	100	

Maklumat mengenai jantina dijalankan bagi mengenalpasti keperluan bantuan dan keberkesanan bantuan yang diberikan kepada mereka. Bilangan responden pelajar perempuan ialah 210 orang mewakili 53.8% dan pelajar lelaki seramai 180 orang mewakili 46.2%.

Manakala bagi jadual 4 menunjukkan secara terperinci umur responden yang dipilih.

Jadual 4: Umur pelajar mengikut Borang Soal Selidik

Umur/tahun	Jumlah kekerapan dan peratus		
	Kekerapan	peratus	Peratus terkumpul
11-20	390	100	100

Hasil dapatan menunjukkan kategori umur di Sekolah Menengah Dabong ialah umur 11-20 tahun.

Bila dirujuk pada Jadual 5, 99.5% adalah berbangsa Melayu mewakili 388 orang, selebihnya ialah cina dan lain-lain bangsa 1 orang mewakili 0.3%.

Jadual 5: Umur pelajar mengikut Borang Soal Selidik

Bangsa	Jumlah kekerapan dan peratus		
	Kekerapan	peratus	Peratus terkumpul
Melayu	388	99.5	
Cina	1	0.3	99.5
Lain-Lain	1	0.3	99.7
Jumlah	100	100	100

Jadual 6 menunjukkan taraf pendidikan responden majoritinya SPM seramai 175 orang mewakili 44.9%, manakala PT3 ialah 170 orang mewakili 43.6%. Bagi pelajar STPM seramai 39 orang mewakili 10.0% dan pelajar lain-lain tingkatan merujuk kepada pelajar tingkatan 1,2 4 dan 6 rendah iaitu seramai 6 orang atau 1.5%.

Jadual 6: Taraf Pendidikan Responden

Kelulusan	Jumlah kekerapan dan peratus		
	Kekerapan	peratus	Peratus terkumpul
STPM	39	10	
SPM	175	44.9	10.0
PT3	170	43.6	54.9
Lain-lain	6	1.5	98.5
Jumlah	100	100	100.0

Seramai 390 orang pelajar menjawab masih memerlukan lagi bantuan. Ini dibuktikan berdasarkan jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Memerlukan Bantuan Mengikut Borang Soal Selidik

Bantuan	Jumlah kekerapan dan peratus		
	Kekerapan	peratus	Peratus terkumpul
Ya	390	390	100

Keperluan bantuan di kalangan pelajar Sekolah Menengah Dabong, Kuala Krai Kelantan, melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar. Berdasarkan penilaian daripada responden, skor min bagi setiap item ditunjukkan pada Jadual 8.

Jadual 8: Bantuan Keperluan PNP Untuk Responden Yang Sedang Belajar.

No.	Jumlah skor min dan tahap		
	Item	Skor min	Tahap
1	Peralatan Alat Bantu Mengajar (ABM)	4.3154	Tinggi
2	Peralatan Sukan	4.3590	Tinggi
3	Keceriaan kelas (mengecat dinding, pintu, tingkap dan lain-lain ruang)	4.5000	Tinggi
4	Peralatan meja kerusi di dalam kelas	4.5821	Tinggi
5	Bahan dan sumber bacaan	4.3872	Tinggi
6	Kemudahan asas (elektrik, kipas, penyaman udara dan lain-lain)	4.6205	Tinggi
Purata Min		4.4607	Tinggi

Keperluan yang utama ialah peralatan meja dan kerusi di dalam kelas dan keperluan peralatan alat bantu mengajar (ABM) berada pada tahap rendah.

Sebanyak 6 item ditanya kepada responden melalui soal selidik yang diedarkan pada bahagian B mengenai keberkesanan bantuan terhadap sekolah dan pelajar. Berdasarkan penilaian daripada responden, skor min bagi setiap item ditunjukkan pada Jadual 9.

Jadual 9: Kebekesanan terhadap sekolah dan pelajar.

No.	Jumlah skor min dan tahap		
	Item	Skor min	Tahap
1	Meningkatkan prestasi pelajar	4.4179	Tinggi
2	Saya rasa seronok datang ke sekolah	4.7282	Tinggi
3	Mengurangkan masalah fobia dan takut akibat bencana	4.0846	Tinggi
4	Meningkatkan peratus kehadiran pelajar	4.5051	Tinggi
5	Membantu peningkatan keyakinan diri	4.5897	Tinggi
6	Saya berminat belajar di sekolah ini	4.4462	Tinggi
Purata Min		4.4619	Tinggi

Hasil analisis tinggi menunjukkan pelajar seronok datang ke sekolah manakala tahap rendah mengurangkan masalah fobia dan takut akibat bencana.

### 5.0 Perbincangan dan Cadangan

Dapatan kajian menunjukkan semua keperluan bantuan yang dihulurkan memberi kesan yang baik kepada pelajar dan sekolah. Walau bagaimanapun, demi untuk menambahkan keselesaan dan kekurangan fobia kesan bencana banjir, pelajar dan pihak sekolah masih memerlukan bantuan lain untuk membangunkan semula sekolah mereka dari segi fizikal yang mana 50% musnah. Pihak Jabatan Sekolah Harian dicadangkan agar memperbanyakkan program yang boleh mengurangkan fobia pelajar terhadap bencana banjir yang mereka alami seperti mengadakan kursus dan motivasi yang boleh memberanikan diri mereka untuk berdepan dengan situasi yang sama pada masa akan datang. Kemudahan asas seperti elektrik, kipas, penyaman udara dan lain-lain diperlukan untuk mereka belajar dengan sempurna. Diikuti dengan peralatan meja kerusi di dalam kelas juga hasil kajian menunjukkan item ini penting untuk para pelajar belajar dan berada di dalam kelas. Jika tidak terdapat meja dan kerusi di dalam kelas, implikasinya suasana belajar secara kondusif dan selesa sukar diperolehi. Responden juga memerlukan suasana yang ceria di dalam kelas, walaupun kelas mereka ditenggelami air, keceriaan kelas perlu diwujudkan seperti dinding, pintu dan tingkap dicat baru untuk menampilkan suasana menarik dan seronok untuk belajar. Keperluan sumber bacaan, peralatan sukan dan ABM juga penting untuk pelajar Sekolah Menengah Dabong. Banyak pihak boleh menghulurkan bantuan berbentuk fizikal seperti pembinaan bangunan baru sekolah, dewan makan asrama lelaki dan kuarter guru. Selain itu, peralatan ABM perlu ditambah lagi peruntukkan untuk sekolah ini, peralatan sukan beserta sumber bahan bacaan. Bajet tahunan perlu diambil kira oleh pihak Kementerian Pendidikan dan dipertimbangkan. Di samping itu, dengan keperluan yang dihulurkan, responden dapat membantu peningkatan keyakinan diri mereka. Peratus kehadiran, minat belajar di sekolah tersebut, meningkatkan prestasi pelajar, meningkatkan peratus kehadiran ke sekolah dan mengurangkan masalah fobia akibat bencana juga positif diterima oleh pengkaji berdasarkan maklumbalas responden.

### 6.0 Kesimpulan

Setelah kajian dijalankan dan data yang diperolehi di analisis, pengkaji berpendapat bahawa maklumat-maklumat yang diperolehi telah berjaya menjawab kesemua objektif dan persoalan kajian yang dinyatakan. Berdasarkan kepada dapatan kajian, dapatlah dinyatakan bahawa tahap keperluan dan tahap keberkesanan bantuan yang diberikan oleh KKWS berada pada tahap yang tinggi. Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa keperluan untuk memberikan bantuan amat diperlukan dan sangat penting selain menunjukkan tahap keberkesanan tinggi terhadap para pelajar dan sekolah.

### Rujukan

- 31 Disember (2014). *Banjir di Kelantan Semakin Buruk, Jumlah masa meningkat*. mStar
- Abdul Razak Ahmad.(2014). *Banjir 2014 Bakal Catat Sejarah Baru* artikel 27 Disember 2014 dalam Bahasa Melayu.mStar.
- 31 Disember.(2014). *RM9.32 Billion diperlukan Untuk Atasi Banjir Kilat di Bandar*. mStar.
- Mohd Ekhwan Hj.Toriman.(2000).*Banjir Sebagai Bencana: Isu,Cabaran dan Pengurusannya Di Malaysia*.
- Jamaluddin Md. Jahi (pnyt.).(2002).*Pengurusan Persekitaran di Malaysia: Isu dan Cabaran*. 127-146.Bangi :Penerbit UKM.
- Burton,L (1968). *The human Ecology of Extreme Geomorphological Events, Natural Hazard Research Working Paper*,3(14):67-84.

- Douglas,I. (1974) *The Impact Of Urbanization On River Systems*. Proc. International Geographical Union Regional Conference. New Zealand Geographical Society.
- JICA. (1982). *National Water Resources Study, Malaysia* . Sectoral Report Vol.5:River Conditions. Kuala Lumpur: Japan International Cooperation Agency.
- Hisyam Muhibah Muhammad Hisyamudin bin Hj. Baharudin .(2015).Banjir:Kenalpasti Keperluan Mangsa Sebelum Datang Membantu.
- <http://www.islamituindah.my/bencana-mengajar-manusia-tentang-kehebatanAllah>.
- Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. 2015.: Amanat Tahun Baru 2015 dan Penjenamaan Semula Kolej Komuniti ,22 Januari 2015.
- Zainah Rujihan.(2015).*Surat dan Pelan Tindakan Program Pasca Banjir Sekolah Angkat*.KKKL600-1/25Jld1(1) 04 Februari 2015.
- Zainah Rujihan.(2015).*Surat dan skop Kerja Program Pasca Banjir Sekolah Angkat*. KKKL600-1/25Jld1(2) 24 Februari 2015.
- Zainah Rujihan.(2015).*Surat dan skop Kerja Program Pasca Banjir Sekolah Angkat*. KKKL600-1/25Jld1(8) 19 Mac 2015.
- Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti.(2015). *Pelan Tindakan dan Senarai Sekolah Angkat* :Telegram
- Borden, K.S., & Abbot,B.B, (2002). *Research Design And Method: A Process Approach*.4<sup>th</sup>.ed. New York : MC Graw Hill
- Kamus Pelajar Edisi ke- 2 Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan.(2001). Edisi ke- 4 Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka
- Surah Ibrahim . Ayat 32
- International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies, *World Disaster Report 1998*, Oxford 1998, University Press m.s 7
- United Nation , *World disaster Reduction Campaign*, “ Water : Too much....too little...leading Cause of Natural Disaster”, Department of Humanitarian Affairs, Geveva May 1997
- United Nation, (1982), *Disaster Prevention and Mitigation, A Compendium of Current Knowledge*, volume 8, m.s 28
- [studentsrepo.um.ed.my/2559/3/BAB\\_SOROTAN\\_KAJIAN](http://studentsrepo.um.ed.my/2559/3/BAB_SOROTAN_KAJIAN)
- International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies, “” *World Disaster Report 1998*”, Oxford 1998, University Press m.s 35
- Association of Southeast Asian Nations Disaster Management information Network, 1997 “ *ADMIN News Letter*”, Office of Civil Defence-National disaster Coodinating Council Philippines, September 1997
- Merriman P.A and Browitt C.W.A .Oktober 1993,” *Natural Disaster: Protecting vulnerable Communities*” Thomos Telford, London m.s 3

Mohd Najib.(1999).*Populasi dan Persampelan*.

Noor Haslinda et. al. (2014).*Tahap Dan Simtom Tekanan Yang Dialami Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat*. Seminar Kebangsaan Hal Ehwal Pelajar Kolej Komuniti 2014.m.s 84-94

Kamus Dewan (2001) Edisi Ketiga Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka

Nor Hasimah et. al (2014) *Faktor Persekitaran Institusi Yang Mempengaruhi Pembangunan Diri Pelajar:Kajian Tinjauan Di Kolej Komuniti Temerloh*. Seminar Kebangsaan Hal Ehwal Pelajar Kolej Komuniti 2014.m.s 220-226

Wierma .W (1995). *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston : All an Bocon

Klimoski, R. & Palmer, S. (2011). The ADA and the hiring process in organizations. *Consulting Psychology Journal: Practice and Research*, 45 (2), 10 – 36.

Roeder, K. et al. (2013). *Nerve cells and insect behavior*. Cambridge, Mass.: Harvard University Press.

Cain, K. (2012). The negative effects of Facebook on communication. *Social Media Today*. RSS. Retrieved from <http://socialmediatoday.com>.